



Pulai ketandusan calon

Penamaan calon pilihanraya ke-11 akan diketahui sebelum tarikh penamaan calon pada 13 Mac 2004. Apa yang lebih mengejutkan lagi, Johor telah menggugurkan 20 calon-calon lama dari senarai pencalonan. Ini bermakna calon-calon yang bakal bertanding pada pilihanraya 21 mac 2004 merupakan muka-muka baru yang berkaliber dan muda. Sejajar dengan era peralihan Umno Johor untuk memberikan laluan kepada bakal-bakal profesional muda menerajui Kerajaan.

Sememangnya Umno mempunyai visi dan misi yang hendak diteruskan. Calon-calon yang bakal diketengahkan dapat membantu menjana pembangunan Johor dengan lebih berkesan. Cetusan idea dan tangan-tangan profesional ini mampu membawa kemakmuran Johor ke tahap yang lebih tinggi. Idea baru, orang baru serta wawasan baru.

Apa yang dipersoalkan bukanlah taksiran pencalonan tersebut tetapi bakal-bakal calon untuk pencalonan tersebut. Kita ambil contoh di Pulai. Soalnya, tidak adakah calon-calon yang berkaliber yang boleh diketengahkan oleh Pulai? nama-nama yang di gugurkan seperti YB Osman Sapian - sememangnya telah diketahui kerana ia bukanlah banyak sangat yang telah dibuatnya tetapi lebih banyak buat duit untuk koceknya sendiri. YB. Dato' Kadir Annuar (berpindah ke Bahagian Johor Bahru). Seorang tokoh agama yang secara sukarela mengundurkan diri bagi beri laluan kepada orang muda. Syabas diucapkan dan inilah yang dikatakan pemimpin yang perihatin. Berundur dulu sebelum ditendang keluar.....

Dato Nurjazlan Tan Seri Mohamed Rahmat.

Timbalan Ketua Umno Bahagian Pulai, anak Tokmat berkelulusan Akauntan bertauliah dan seorang profesional. Kalau ikut kelulusan akademik memangnya beliau layak untuk dicalonkan. Tetapi bagaimana pulau kriteria beliau sebagai berpendidikan agama seperti syarat-syarat pencalonan?

Beliau merupakan pemimpin yang terlalu muda untuk menerajui kepimpinan parlimen Pulai. Beliau hanya berpeluang menerajui kepimpinan Umno Pulai kerana kompromi dari belas ikhsan Tokmat sendiri bukan dari akar umbi. Beliau bukan sahaja kurang pengalaman dalam politik tetapi sebahagian besar dari cawangan Pulai tidak memihak kepada beliau. Ini terbukti dari beberapa siri pertemuan yang dilakukan oleh 31 cawangan Umno Pulai yang berhijrah ke Bahagian Johor Bahru.

Semenjak beliau memimpin Pulai sebagai Timbalan Ketua Bahagian (kemenangan yang dipertikaikan), terlalu banyak masalah dan persoalan yang timbul. Perpecahan demi perpecahan dan kroni demi kroni timbul di kalangan ahli-ahli. Siapa yang tidak memihak kepadanya akan dicantas dan disingkirkan. Inilah yang berlaku sekarang di Pulai hanya semata-mata untuk mengekalkan "favourite" didalam politik Pulai.

Datuk Nurjazlan yang memperolehi gelaran Dato' di Sabah itu hanya dibawa masuk ke arena politik Pulai pada tahun 1989 dahulu dan berkecimpung dalam politik hanya

kurang 15 tahun sahaja dan kurang pendedahan di peringkat akar umbi. penampilan beliau di akar umbi hanya didorong oleh bayang-bayang Tokmat dan laluan mudah yang telah disediakan melalui kroni-kroninya seperti Hj. Rasid Kasman dan lain-lainnya.

Ketika ini ahli-ahli Pulai dan pengundi di Pulai inginkan sesuatu yang baru dan tidak menginginkan dinasti Tokmat di dalam kelompok Pulai. Tidak banyak yang telah dibuat samada oleh Tok selama 35 tahun mahupun Dato' Nurjazlan sendiri di Pulai. Apa yang lebih terbukti ialah lebih banyak masalah yang ditimbulkan.

Ramli Bohani

Seorang tokoh pemuda Pulai yang dinaiktaraf sebagai Setiausaha Kerja Badan perhubungan Umno Negeri merupakan calon muda yang berwibawa dan disegani. Ketegasan dan keperibadian beliau yang sederhana itu menjadikan beliau favourites didalam Pulai. Tidak hairanlah beliau mampu untuk mengekalkan jawatan sebagai Ketua Pemuda Pulai sehingga sekarang.

Beliau merupakan seorang Pegawai FAMA yang dicadangkan sebagai calon untuk pilihanraya umum ke-11. Didalam pencalonan sebagai wakil rakyat, bukan hanya paras rupa, keperibadian atau keterampilan sahaja diambil-kira tetapi sumber ekonomi juga perlu diterjemahkan kepada penampilan seseorang itu. Sepatah kata orang dulu, kalau ada duit semuanya boleh jadi.

Dr. Azam Rauhan

Seorang pengamal perubatan yang ketika ketika ini menjalankan perniagaan sendiri dan menubuhkan Klinik Bersalin di BBU. Bekas doktor di Hospital Permai, Tampoi merupakan tokoh sosial di kawasan Perumahan UDA. Ahli Jawatan Pusat Haemodialysis Masjid Jamek UDA telah mula berjinak-jinak dalam politik sejak beberapa tahun yang lalu. Kalau dilihat dari keterampilan beliau sebagai pemimpin tidak dapat dinafikan.

Mampukah beliau dicalonkan sebagai wakil rakyat?

Orang UDA dan Pulai perlu menilai bukan sahaja perwatakan seseorang pemimpin tetapi keperibadian seseorang calon. Dr. Azam Rauhan merupakan seorang penulis dan pengkritik Kerajaan yang tulisannya banyak dikeluarkan di ruangan Sudut Pembaca Berita Harian memandangkan beliau mempunyai kenalan didalam akhbar berikut yang ber ibu pejabat di BBU sendiri.

Kalau dari sudut politik, beliau bukan sahaja tidak aktif dicawangannya tetapi juga di peringkat Umno Bahagian Pulai itu sendiri. Beliau hanya dikenali masyarakat melalui tulisan-tulisan beliau diakhbar yang begitu kritis dan pengelibatan beliau di peringkat Umno Negeri. Langau-langau seperti beliau yang hanya berdamping dengan kepimpinan negeri tetapi mengenepikan peringkat Bahagian sememangnya tidak dinafikan kerana beliau merupakan "seorang oportunist" diantara kemelut kepimpinan Pulai dengan Dato' Ghani Othman - MBJ.

Semua orang tahu kepimpinan Pulai dgn. Dato' Ghani tidak mempunyai gabungan yang baik sejak dari dulu dan untuk naik Dr. Azam Rauhan menukar haluan dengan

pengelibatan yang begitu ketara dengan Dato' Ghani Othman. Sepatah kata, dimana ada Dato' Ghani disitulah ada Azam.

Diperangkat Umno Bahagian, beliau tidak merupakan seorang yang berwibawa sebagai seorang pemimpin. Ini kerana kalau nak kumpulkan 10 orang pemuda untuk satu-satu majlis pun tak boleh didapati, bagaimana pula jika ia menjadi seorang pemimpin. Jau sekali kalau nak turun ke padang atau ke akar umbi. Beliau hanya akan turun ke padang sekiranya mempunyai kepentingan hanya semasa akan mengadakan persidangan atau pemilihan bahagian.

Pengundi Pulai perlu menilai siapakah yang layak dicalonkan sebagai wakil rakyat mereka. Pemilihan seseroang calon tidak boleh dijadikan sebagai eksperimen sepertimana yang dinyatakan oleh PM tempoh hari. Kita semua tahu, walau siapapun yang mewakili BN pasti akan menang . Kalau seekor anjing dipakaikan baju BN dan masuk bertanding - pasti akan menang juga. Rakyat Johor tidak memilih siapa calon asalkan ianya adalah calon BN. Tetapi pencalonan itu biarlah calon-calon yang benar-benar berwibawa dan berketerampilan seperti kriteria pencalonan, mempunyai pendidikan agama, mempunyai profesion yang tinggi dan berkeperibadian yang baik.

Kelemahan-kelemahan yang berlaku di Pulai sekarang perlu dijadikan kayu pengukur dalam usaha untuk memilih seseorang calon Pulai walapun kepimpinan Negeri Johor terpaksa mengimport calon dari luar asalkan ia mampu membawa perubahan berkesan kepada pengundi. Jangan sampai calon bertukar namun isu-isu seperti Taman Dewan Jaya, Taman SEDC Tampoi, Perpindahan Peniaga Tampoi ke Tmn. Dahlia, isu-isu sosial setinggan Kg. Aman, Langkasuka dan banyak lagi hanya tinggi kenangan pahit

Tepuk dada tanya selera

Copyright © 2006 suarajohor.tripod.com. All rights reserved. Last updated
Semua artikel yang disiarkan adalah hasil dari pandangan pembaca yang diterima
untuk dikongsi bersama, diolah/diedit mengikut kesesuaian.